

# MEMORANDUM MENGENAI INFORMASI DAN IKLAN YANG MENGELIRUKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PRODUK PENAPIS AIR

DISEDIAKAN OLEH,



DISOKONG OLEH,



**Memorandum ini menentukan Penunjuk Prestasi Utama Jangkamasa Pendek kepada:**

- (i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kenpenggunaan (KPDNKK)
- (ii) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- (iii) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

## 1. PENGENALAN

**AIR** merupakan molekul berpolar yang terdiri daripada 1 atom oksigen dan 2 atom hidrogen yang bergabung membentuk molekul yang stabil. Kewujudan sifat polar ini menjadikan air sebagai pelarut semesta dengan kebolehan melarutkan bahan-bahan yang mempunyai sifat yang hampir dengannya.

Air adalah penting kepada kita dan kita disarankan untuk minum 8 gelas air sehari. Dengan ini, badan kita dapat mengisi semula kandungan air dan semestinya kesihatan kita terjaga. Ini bukan perkara baru, kerana air merupakan komponen utama untuk badan kita berfungsi dalam pencegahan penyakit dan membersihkan badan. Air menyediakan medium untuk tindakbalas biokimia dalam badan kita.

Air yang kita perolehi daripada pembekal adalah mengikut standard kualiti air yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Air terawat mengandungi bahan-bahan terlarut dalam kuantiti yang selamat. Nilai-nilai ini adalah selamat berdasarkan syor yang diberikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) di mana KKM mengikut standard tersebut.

Sejak kebelakangan ini, isu bekalan air yang dicemari, toksik dan sebagainya telah membantu pemasaran produk penapis air. Syarikat-syarikat produk penapis air dan agen-agenya memberikan gambaran-gambaran mengenai bekalan air di Malaysia mengikut imaginasi masing-masing. Akan tetapi, tiada kematian yang telah dilaporkan disebabkan bekalan air toksik (seperti man dakwaan syarikat-syarikat ini).

Isu utama di sini adalah kemerosotan kepercayaan pengguna disebabkan kaedah pemasaran yang mengelirukan pengguna melalui informasi dan iklan yang ditayangkan atau dicetak oleh syarikat-syarikat ini.

## 2. ANALISIS PUNCA (ROOT CAUSE ANALYSIS) KEMEROSOTAN KUALITI AIR

Menurut pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia, bekalan air kita menepati piawaian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kewujudan kotoran dalam air yang dibekalkan kepada pengguna memberikan tanggapan berbeza.

Kotoran yang wujud di sesetengah kawasan mungkin disebabkan oleh salah satu sebab berikut:

- (i) Kebocoran paip boleh membawa masuk kotoran dari luar paip seperti partikel tanah:
  - a. Kebocoran pada sistem perpaipan awam
  - b. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikpulihan paip bocor yang tidak efisien
  - c. kebocoran paip di dalam premis pengguna
- (i) Kegagalan untuk menyelenggara tangki simpanan air
  - a. Tangki simpanan air di premis pengguna perlu diselenggara sekali dalam masa 6 bulan atau setahun (bergantung kepada kualiti air)
  - b. Tangki simpanan utama (service reservoirs) yang berada di bawah bidang tugas syarikat pembekal air juga perlu diselenggara mengikut jadual
- (ii) Perpaipan lama (paip besi bergalvani) yang melebihi 15 tahun penggunaannya
  - a. Pengguna-pengguna perlu menukar dan menyelenggara paip-paip di premis mereka
  - b. Industri bekalan air perlu menukar dan menyelenggara paip-paip dalam sistem bekalan air awam

### 3. DAKWAAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PENGELUAR PENAPIS AIR

Kebanyakan pengguna tertipu dengan pembelian penapis air yang memberikan dakwaan mengenai kebaikan kesihatan dan lain-lain. Kajian kami terhadap iklan-iklan syarikat-syarikat ini merumuskan janji-janji kosong seperti di bawah:

- (i) Meningkatkan sistem imunisasi badan
- (ii) Mengurangkan alergi
- (iii) Memberikan 'tenaga' yang meningkatkan keaktifan
- (iv) Mengurangkan atau menapis penuh 'bahan-bahan toksik' dalam bekalan air
- (v) Meningkatkan oksigen terlarut dalam air
- (vi) dan banyak lagi janji-janji kosong

Dakwaan-dakwaannya ini tidak mendapat pengiktirafan Kementerian Kesihatan Malaysia mahupun SIRIM. Terdapat juga kes-kes di mana gambar-gambar terpilih ditunjukkan kepada pengguna untuk mendapatkan keyakinan.

***Fakta salah oleh seorang jurujual semasa temubual melalui telefon:***

*Fakta beliau:* penapis kami akan memecahkan molekul-molekul air kepada partikel-partikel yang lebih kecil supaya mudah diserap oleh badan.

*Fakta sains:* molekul-molekul air dipegang bersama oleh ikatan hidrogen yang kuat; ikatan ini tidak boleh dipecahkan melalui proses penapisan. Badan kita mempunyai kaedah semulajadi untuk menyerap air bagi kegunaan proses biokimia. Kewujudan penapis tidak memberikan sebarang impak positif kepada proses ini.

Penggunaan penapis air semakin meningkat dan tiada kawalan terhadap dakwaan-dakwaannya yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat ini.

#### 4. PENGGUNAAN PENAPIS AIR DI MALAYSIA

Pihak WECAM telah melakukan kajian peringkat kebangsaan mengenai penggunaan penapis air di Malaysia (termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan). Kajian ini adalah merangkumi isi rumah seperti yang ditentukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia).

**Jadual 1: Peratus Penggunaan Penapis Air Bagi Setiap Negeri Di Malaysia, 2008/2009**

<i>Negeri</i>	<i>Isi rumah yang di kaji</i>	<i>Isi rumah yang mempunyai penapis air</i>	<i>Peratus Penggunaan Penapis Air (%)</i>
Johor	128	15	11.72
Kedah	128	70	54.69
Kelantan	128	6	4.69
Kuala Lumpur	64	16	25.00
Labuan	64	2	3.13
Melaka	128	22	17.19
Negeri Sembilan	128	9	7.03
Pahang	128	1	0.78
Perak	128	36	28.13
Perlis	128	21	16.41
Pulau Pinang	128	77	60.16
Sabah	128	6	4.69
Sarawak	128	28	21.88
Selangor	128	22	17.19
Terengganu	128	32	25.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1792</b>	<b>363</b>	<b>-</b>

Jadual 1 menunjukkan peratus penggunaan penapis air mengikut negeri. Peratusan yang tinggi dikesan di Pulau Pinang (60.10%), diikuti Kedah (54.69%) dan Perak (28.13 %). Secara putara, 20.26 % pemasangan penapis air dikesan dalam isi rumah yang dikaji.

**Jadual 2: Peratus Pengguna di Malaysia yang Mengetahui Jenis dan Fungsi Penapis Air, 2008/2009**

<i>Negeri</i>	<i>Isi rumah yang di kaji</i>	<i>Isi rumah yang mengetahui jenis dan fungsi penapis air</i>	<i>Peratus Pengguna yang mengetahui Jenis dan Fungsi Penapis Air (%)</i>
Johor	128	12	9.38
Kedah	128	2	1.56
Kelantan	128	1	0.78
Kuala Lumpur	64	0	0.00
Labuan	64	0	0.00
Melaka	128	6	4.69
Negeri Sembilan	128	6	4.69
Pahang	128	0	0.00
Perak	128	5	3.91
Perlis	128	7	5.47
Pulau Pinang	128	5	3.91
Sabah	128	5	3.91
Sarawak	128	9	7.03
Selangor	128	8	6.25
Terengganu	128	0	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1792</b>	<b>66</b>	-

Jadual 2 menunjukkan jumlah responden yang mengetahui jenis penapis dan fungsinya. Secara purata hanya 3.68 % responden mengetahui jenis penapis dan fungsinya. Penurunan mendadak dapat dilihat di antara tahap penggunaan dan tahap kesedaran jenis dan fungsi penapis. Ini merupakan isu yang patut ditangani dengan kadar segera.

Pengguna-pengguna juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan mereka memahami fungsi peralatan yang dibeli.

## 5. JENIS PENGGUNAAN PENAPIS AIR

- I. Titik Kemasukan (Point of Entry – PoE): Penapis ini ditempatkan selepas meter air. Penapis-penapis ini perlu dipasang mengikut keperluan Akta Industri Bekalan Air 2006. Penapis PoE perlu dipasang dengan injap pengawal (control valve) yang membenarkan aliran air sehalu sahaja. Ini adalah bagi mengelakkan kotoran yang ditapis oleh penapis air mencemari sistem bekalan air awam.
- II. Titik penggunaan (Point of Usage-PoU): Penapis yang biasanya ditempatkan di kawasan seperti dapur yang menapis air untuk digunakan.

## 6. TANGGUNGJAWAB SETIAP PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

- I. Tanggungjawab Pengguna-pengguna:
  - a. Pastikan jenis penapis adalah bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Periksa semua dakwaan oleh syarikat penapis air dengan agensi bertauliah.
  - b. Jika penapis anda mengeluarkan klorin daripada air terawat, jangan simpan air yang ditapis terlalu lama. Adalah disyorkan bahawa ia digunakan setelah dididihkan. Air TIDAK BOLEH disimpan terlalu lama tanpa klorin.
  - c. Selenggara penapis anda dengan kerap. Kegagalan menyelenggara boleh menyebabkan kontaminasi yang lebih teruk kepada air yang anda gunakan kerana penapis gagal untuk berfungsi.
  - d. Jika anda mempunyai masalah kualiti air atau ingin melaporkan tentang syarikat yang memberikan dakwaan yang salah, anda boleh membuat laporan kepada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) melalui [nccc@nccc.org.my](mailto:nccc@nccc.org.my) atau e-Aduan di [www.nccc.org.my](http://www.nccc.org.my) atau hubungi pusat aduan di talian **03-7877 9000**.

II. Peranan kerajaan (Bebanan untuk menentukan pencapaian Penunjuk Prestasi Utama - KPI):

- a. Bebanan KPI - 6/12 kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
  - i. Iklan, maklumat dan pemasaran yang mengelirukan mesti dikawal dan dikurangkan
  - ii. Proses mengenal pasti, penarikan balik serta pengharaman produk perlu telus dan jelas
  - iii. Laporan pemantauan yang jelas dan terkini
  - iv. Proses ganti rugi penipuan yang kukuh
  - v. Mewujudkan agensi pemantauan yang berkaliber
  - vi. Memberikan maklumat tepat kepada pengguna
- b. Bebanan KPI - 3/12 kepada Kementerian Kesihatan Malaysia
  - i. Pemantauan bersama dengan KPDNKK mengenai dakwaan kesihatan
  - ii. Memberikan penerangan mengenai kualiti air terawat di Malaysia yang terkini dan jelas kepada pengguna
  - iii. Menyediakan laporan pemantauan kualiti air yang boleh didapat dan dirujuk oleh semua lapisan masyarakat
- c. Bebanan KPI - 3/12
  - i. Menyediakan garis panduan yang ketat bagi pemasangan penapis air pada titik kemasukan (Point of Entry-PoE).
  - ii. SPAN juga perlu memastikan syarikat bekalan air membekalkan air pada standard yang diluluskan. Standard dan pemantauan yang ketat perlu dikuatkuasakan.
  - iii. Memastikan kerja-kerja penukaran paip lama mengikut jadual. Kerja-kerja sebegini sepatutnya dilakukan sebagai penyelenggaraan terjadual (scheduled maintenance) pada masa akan datang. Perkara ini sepatutnya dijadikan sebahagian dari syarat pelesenan.

## 7. KESIMPULAN

Tugas untuk memastikan kualiti bekalan air adalah tanggungjawab syarikat – syarikat perkhidmatan air dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Syarikat penapis air tidak memainkan peranan dalam konteks ini. Pihak WECAM berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab boleh mengambil tindakan segera untuk membendung masalah ini.

Sediakan payung sebelum hujan.

Yang benar,

**Piarapakaran Subramaniam**

Setiausaha Agung

Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM)